

Uchapan pembukaan mashuarat  
Penolong Pegawai Pembangunan Luar Bandar  
pada 11hb.. November, 1960.

Saya merasa sangat sukachita dan besar hati pada hari ini kerana dapat berjumpa dengan tuan2 yang telah datang berhimpun di-Kuala Lumpur dari seluruh Persekutuan Tanah Melayu untuk menghadziri Persidangan ini yang di-adakan khas bagi Penolong2 Pegawai Kemajuan Luar Bandar.

Saya telah pernah jumpa deiiigan kebanyakan dari tuan2 dalam masa saya melawat ka-Jejalan2, tetapi perjumpaan itu ia-lah dengan chara perseorangan. Oleh sebab itu apakala saya balik dari lawatan2 itu, saya telah meminta Pengerusi R.I.D.A. supaya menganjorkan Persidangan ini untuk memberi peluang kepada tuan2 semaa berkumpol di-Jluala Lumpur ini dan bertukar2 fikiran antara satu sama lain, dan jua memberi peluang kepada Pegawai2 Kementerian dan Ketua R.I.D.A. memberi penerangan dengan jelas dan terang akan dasar negara (kebangsaan) kita berkait dengan Pembangunan Luar Bandar. Saya juga berharap moga moga dengan peluang yang di-berikan kepada tuan2 ini maka tuan2 akan dapat faham dengan sa-dalam2-nya akan dasar itu sedar dan mengetahui akan tujuan dan maksud Kerajaan mengadakan dasar itu, dan insaf akan peranan dan tanggung jawab yang amat mustahak yang di-amanahkan kepada tuan2 dalam kerja2 melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi negara kita ini.

Oieh itu saya suka pertama sakali menarik perhatian tuan2 kepada apa yang di-chita2kan oleh Kerajaan dari tindakan-nya melancharkan Rancangan Kemajuan atau Pembangunan Luar Bandar itu.

Sa telah itu saya akan menerangkan piila dengan sa-habis2 ringkas, sa-takat manakah kita telah berjaya menjalankan Ranchangan ini; dan akhir-nya sa-kali saya akan terangkan perkara2 yang besar dalam dasar itu yang saya mengarahkan R.I.D.A supaya menjalankan-nya dalam Kemajuan Luar Bandar nan yang ng

daripada tuan2 akan mengambi1-nya kerana melaksanakan dasar dan tujuan ranchangan Kebangsaan kita ini.

Apa-kah dia tujuan Pembangunan Luar Bandar? Apa-kah tujuan yang di-chita2kan dari tindakan memajukan kawasan2 luar bandar? Apa-kah yang sa-benar2-nya kita chuba hendak laksanakan? Ini-lah soalan2 yang saya akan jawab dalam ucapan saya.

Sa-tengah2 negeri2 yang baharu menchapai kemerdekaan memulakan kemajuan Kegara dengan menumjukan tenaga-nya di-kawasan2 bandar dan membiarkan kawasan2 luar bandar-nya tertinggal dengan tidak ada sebarang ranchangan atau susunan. Mereka biarkan kawasan2 luar bandar kepada nasib-nya sendiri.

Sebalik-nya kita di-Tanah Melayu sekarang ada mempunyai ranchangan2 yang boleh-lah di-ibaratkan sa-bagai parang yang bermata dua untuk menebas jalan menuju ka-hala kemajuan, kemajuan dalam bandar2J dan kemajuan di-kawasan2 luar bandar.

Sabelah mata parang itu ia-lah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar; dan sabelah lagi ia-lah ranchangan Perusahaan2 Perintis dan Kemajuan Perusahaan (Industrial Development).

B.leh jadi mata parang untuk menebas jalan yang menuju kepada Pembangunan Kawasan2 Luar Bandar itu lebih tajam, tetapi ini tidak-lah bcrarti yang mata parang yang menebas ja-lan menuju kepada kemajuan

perusahaan itu atau industrial development tidak sama tajam-nya dan saya percaya sahabat saya Inche Khir Johari Menteri Perniagaan dan Perusahaan, akan berkata bahwa mata parang bagi Rancangan Perusahaan-nya itu sama tajam-nya.

Oleh yang demikian, pembangunankawasan2 luar bandar itu adalah mara hadapan bersaing2, "bahu membahu dengan kemajuan Perniagaan dan Perusahaan, dan kedua2 usaha ini akan bersama2 menimbolkan kemajuan iktisad "bagi negara kita.

Dan lagi kita dapat saksikan dalam sa-tengah2 negeri lain yang telah menjalankan rancangan pembangunan-nya, bahwa kerja pembangunan mereka sebenarnya terhenti sa-takat perenggan kawasan "bandaran bagi bandar2 mereka yang besar2 dan pusat2 perusahaan, dan jika kita pergi keluar dari perenggan2 kawasan bandaran itu dalam sa-batu atau lebeh maka kita dapat keadaan2 kehidupan yang miskin dan kesihatan yang kurang baik.

Maka adalah menjadi cita2 kita yang kejadian ini tidak akan berlaku di-Tanah Melayu.

Di-negeri kita ini kita berkehendak supaya kawasan2 "bandar dan luar bandar itu sama2 beroleh kemajuan. -Apakala darjah kehidupan di-bandar2 menjadi bertambah baik hasil dari kemajuan dan kema'amanan, maka hendaklah juga faedah dari kema'amanan itu dapat di-rasa oleh orang2 yang dudok di-kawasan2 Luar Bandar.

Dari semeljak menchapai kemerdekaannya, Persekutuan Tanah Melayu telah banyak beroleh kemajuan, dan sekarang negeri ini di-pandang pada mata dunia sa-bagai salah sa-buah negeri yang tegoh sa-kali perdirian iktisad-nya, dan termaju sekali di-Asia.

Ini-lah kedudukan negeri kita pada hari ini. Tetapi apa akan jadi di-masa hadapan? Ma-kah Persekutuan Tanah Melayu akan menjadi sa-buah negeri yang lebih baik atau lebih burok untuk penduduk2-nya dalam masa lima atau sepuluh tahun yang akan datang?

•nya buk

kapada apa yang di-buat oleh Kerajaan.

Kemajuan masa hadapan bagi bangsa dan negara kita ia-lah satu amanah yang terletak pada tangan kita semua - Kerajaan dan ra'ayat jelata sa-terus-nya•

Kerajaan boleh menyusun dan membuat perancangan2 yang baik dan berfaedah; Kerajaan juga boleh menghala dan menumpukan wang ringgit dan usahanya untuk menjamin supaya alat2 pentadbiran, teknikal dan jentera2-nya yang lain bekerja dengan lincih dan chekap bagi mendatangkan sa-besar2 faedah kepada ra'ayat.

Tetapi kemajuan dan pembangunan yang sa-benar2-nya bagi sa-suatu bangsa itu terletak di-atas ra'ayat negara itu sendiri dan di-atas usaha serta tenaga yang mereka churahkan dalam kerja mereka sa-hari2.

Oleh yang demikian dasar pembangunan luar bandar kita itu telah di-bahagikan kepada dua tingkatan. Tingkatan yang pertama ia-lah tanggungan Kerajaan. Tingkatan yang kedua ialah tanggung jawab penduduk2 luar bandar itu sendiri. Pada masa ini kita maseh dalam tingkatan yang pertama lagi dan saya harap akan dapat melancarkan tingkatan yang kedua pada awal tahun hadapan. Pada masa itu kita akan menerangkan kepada orang2 kampong dengan melalui saluran2 seperti Kemajuan Masyarakat. Pelajaran Dewasa dan dengan lain2

**perantaraan**, tentang bagaimana mereka sendiri boleh menolong dalam usaha pembangunan kawasan2 lua bandar itu.

Biar-lah saya menerangkan satu persatu dengan sa-chara ringkas akan tanggongan2 Kerajaan. Kerajaan bertanggung jawab di-atas perkara2 saperti:-

- (1) Kemperbaiki pentadbiran tanah supaya orang2 kampong boleh mendapat tanah dengan lebeh chepat dan lebeh adil; supaya  
mereka lebeh mudah pergi ka-tanah mereka dan lebeh senang mereka sampai ka-pasar2 dari tanah mereka supaya mereka dapat menjual hasil tanaman mereka dengan lebih mudah;
- (3) Klinik2 dan perbekalan ayer yang lebih baik supaya kesihatan mereka lebih baik dan dengan itu dapat bekerja dengan lebih bertenaga di-atas tanah mereka;
- (h) Parit ayer yang lebih baik supaya mereka akan dapat hasil yang lebih banyak dari tanah mereka;
- (5) Pembersehan sungai dengan lebih baik supaya tanaman2 mereka tidak di-musnah oleh ayer bah atau runtohan tanah;
- (6) Kemudahan2 "processing" dan pasaran yang lebih baik bagi hasil perusahaan tanaman mereka supaya mereka dapat keuntongan yang berpatutan dari penat lelah mereka;
- (7) Kemudahan2 yang lebih baik lagi bagi kemajuan perusahaan Kampong supaya mereka dapat menggunakan waktu mereka dengan lebih

berfaedah dan menambahkan wang pendapatan mereka;

(8) Sekolah2 yang lebih baik untuk pelajaran anak2 mereka;

(9) Padang2 permainan yang lebih baik untuk menjaga kesehatan anak2 mereka dan di-mana2 yang dapat, di-adakan bekalan api elektrik dan talikom, dan lain2 lag!.

Dengan tujuan supaya segala tujuan2 feehendak2 yang besar bagi pembangunan luar bandar itu dapat di-semak dengan sempurna, maka tiap2 sa-buah jajahan telah di-minta supaya menyusunkan ranchangan pembangunan luar bandar jajahan mengikut bentok yang sekarang ini di-panggil Ranchangan Buku Merah.

Kerja menyiapkan susunan Buku Merah sa-bagaimana yang telah di-jalankan itu ada-lah bertujuan supaya dapat di-ketahwi kehendak tiap2 sa-buah Jajahan itu dan supaya di-masok dan di-persesuai-kan pula dalam ranchangan bagi Negeri itu dan akhirnya sekali supaya kesemua ranchangan2 Negeri itu dapat di-chantumkan di-dalam Ranchangan Kemajuan Negara bagi Lima Tahun Yang Kedua. Pada masa menjalahkan kerja menyiasat kehendak2 sa-sabuah jajahan itu, maka perentah2 dalam Buku Merah itu telah di-beri kepada tiap2 pegawai Kerajaan yang berkenaan bahawa mereka mesti bekerja be sama2 sabagai satu pasokan bagi faedah ra'ayat dalam jajahan mereka.

Tingkatan yang pertama ini telah berjaya dan hampir2 siap, dan saya sukachita menyatakan bahawa tiap2 pegawai yang bekerja di-perengkat Jajahan dan negeri, dan termasuk tuan2 semua, telah membuat kerja mereka dengan chukup sempurna dan baik.

Sekarang saya berpaling kepada peranan yang di-kehendaki di-ambil oleh R.I.D.A. dalam kerja2 kemajuan dalam fcawasan2 luar bandar. R.I.D.A. ia-lah **mata** tangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan bagi melaksanakan rancangan pembangunan luar bandar itu R.I.D.A. ada-lah mempunyai tanggung jawab yang penting. Saya bertujuan hendak mengubah sedikit chara bekerja Lembaga ini dari apa yang telah di-jalankan beberapa tahun yang lepas.

Sa-belum di-tubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, R.I.D.A. telah berjalan sabagai sa-buah pejabat Kemajuan Luar Bandar dengan mempunyai banyak kerja2 dan tanggungan yang kesemua-nya berkait dengan orang2 kampong.

Oleh kerana Kementerian yang baru itu sekarang ini sedang perlahan2 mengambil kebanyakan dari kerja2 R.I.D.A. itu maka saya bermaksud hendak menyalurkan kerja2 R.I.D.A. itu sa-mata2 kepada tujuan-nya'yang utama yang asal yang di-tentukan pada masa R.I.D.A. mula di-tuboh, ia-itu kerja kemajuan perusahaan2 kampong dan pasaran kampong (rural marketing).

Jika kita hendak meinggikan darjah kehidupan orang2 luar bandar sa-bagaimana yang kita chita2kan itu, maka mesti buat dua perkara yang besar. Kedua2 perkara ini ada-lah men.iadi tanggungan R. I•f'A. pada menjalankannya:

- (1) berikhtiar dan menjaga supaya orang2 kampong2 itu beroleh pendapatan yang berpatutan dari hasil usaha mereka. Ini berma'ana-lah bahawa kita mesti mengadakan kemudahan2 kerja "processing" dan pasaran bagi hasil yang keluar dari tanah mereka;

{2) mengadakan perusahaan2 kampung sa-chara kechil supaya orang2 kampung itu dapat peluang menggunakan masa mereka dengan sa-baik2-nya apakala mereka tidak membuat kerja di-atas tanah mereka, dan dengan itu dapat-lah di-tambahkan pendapatan mereka dan meninggikan darjah kehidupan mereka.

Ini-lah kerja2 yang tuan2 di-kehendaki menjalankan-nya di-dalam kerja tuan2 pada setiap hari sa-bagai Penolong Pegav/ai Kemajuan Kampung.

Tuan2 akan di-beri segala peluang untok mendapatkan beberapa banyak latehan lagi untok menolong tuan2 menjalankan kerja2 tuan2 itu sa-berapa chekap yang boleh.

Pada hari ini saya tidak-lah bertujuan hendak berchakap dengan panjang lebar satu persatu-nya tentang latehan tuan2 itu. Hal ini akan di-terangkan oleh orang2 yang lebih mahir daripada saya dalam perkara ini.

Akan tetapi saya bertujuan hari ini menerangkan dan bertukar2 fikiran dengan tuan2 semua berkenaan dengan chara-nya tuan2 sekelian di-kehendaki menjalankan tugas masing2. Yang mustahak sekali ia-lah semangat hendak bekerja dan perasaan hendak menjayakan keadaan kehidupan penduduk di-kampor.g2. Pekerjaan tuan2 ia-lah pekerjaan yang halal d yang benar2-nya memberi faedah kapada bangsa dan negara. Semangat bekerja dan semangat membena ini-lah yang saya kehendak tuan2 tanamkan di-dalam dada masing2 apabila tuan2 balik ka-jajahan masing2 untok menjalankan kerja.

Pada masa menjalankan kerja hari2, kebanyakan daripada tuan2 sekelian tidak ada mempunyai pegawai2

kanan bagi menjjaga dan raengawasi kerja2 tuan2 itu. Oleh itu barangkali ada perasaan pada sa-tengah2 daripada tuan2 untok sa-mata2 hendak menunggu kapada perentah apa benda yang hendak di-buat dan chara hendak membuat-nya. Sikap yang sa-macham ini saya tidak suka sa-kali2.

Saya berkehendakkan tuan2 semua menggunakan **6ka1** fikiran dang dayautama sendiri dengan sa-penoh2-nya Ingatkan tujuan dasar pembangunan luar bandar kita dan ingatkan apa yang kita hendak jalankan. Dengan itu sentiasa gunakan akal fikiran sendiri bagi menchari jalan dan upaya bagaimana tuan2 boleh menggunakan tenaga dan usaha sendiri untok memperbaiki  
tuan2  
itu.

Jalankan kerja dengan penoh semangat dan perasaan tanggung jawab. Kadang2 tidak ada pegawai2 yang kanan memperhatikan pekerjaan tuan2 itu, akan tetapi ingat bahawa tuan2 ada bertanggung jawab bukan sahaja kapada Kerajaan bahkan kapada bangsa dan negara Bertanggung jawab bagi menggunakan tiap2 sa at daripada masa tuan2 dan di-kehendaki bekerja menolong dan memperbaiki keadaan hidup ra'ayat jelata di-kampong2

Dalam pekerjaan pembangunan luar bandar itu kita berkehendakkan kehasilan.. Kejayaan pekerjaan tuan2 itu bergantung kapada kehasilan yang kita dapati. Jikalau tidak ada kehasilan maka pekerjaan tuan2 tidak-lah berjaya. Bagi mendapatkan kehasilan itu hendak-lah tuan2 tekun di-atas sa-suatu perkara yang di-perbuat sa-hingga mendapat kejayaan yang penoh.

Apabila di-mulakan sa-suatu ranchangan itu hendak-lah di-perhatikan dengan tekun-nya sa-hingga

ranchangan itu jaya. Saya tahu di-satengah2 jajahan, Penolong2 Pegawai Kemajuan ada banyak buat ranchangan di-atas kertas tetapi ranchangan di-atas kertas itu tidak berguna melainkan di-jalan dan di-jayakan. Oleh itu biar pun sa-dikit ranchangan yang di-perbuat asalkan jaya. Ra'ayat jelata tidak memandang: tidak suka hendak mengetahui apa ranchangan2 yang ada dalam file. Ra'ayat jelata hanya-lah berkehendakkan perkara yang mereka minta itu berjaya. Jangan fikirkan kepada banyak2 ranchangan, tetapi jayakan satu persatu. Ra'ayat berkehendakkan sa-mata2 kepada kehasilan.

Saya sendiri akan melawat ka-jajahan dari pada satu masa ka-satu masa. Saya suka sa-mata2 meihatkan kehasilan ranchangan. Kehasilan itu bergantung-lah kepada usaha dan tenaga tuan2 sa-bagai Penolong Pegawai Kemajuan. Bagi menjalankan tugas ini saya suka memberi satu sahaja nasihat ia-itu chuba-lah tuan2 lihat kepada Stamp yang ada pada surat2. Ingat bahawa stamp itu berguna dan berharga jika ia tetap melekat kepada surat itu sahingga surat itu sampai kepada alamat yang di-tujukan. Jika tidak, stamp itu tidak berguna. Begitu juga pekerjaan tuan2 akan di-hargai dan di-pandang tinggi jikalau pekerjaan itu mendarat hasil yang di-kehendakki.

Kuala Lumpur,  
11hb. November, 1960.